

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM LAWATAN TIMBALAN MENTERI (INDUSTRI) MITI KE PREMIS KILANG D & Y TEXTILE (MALAYSIA) SDN. BHD.

---

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) YB Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan akan mengadakan lawatan kerja rasmi ke D & Y Textile (M) Sdn. Bhd. (D&Y) pada 16 Ogos 2016 bermula dari jam 12.30 tengahari hingga 2.00 petang. Lawatan ini akan turut disertai oleh YB Datuk Tee Siew Kiong, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri Johor dan wakil daripada MITI Johor serta agensi di bawah MITI di Johor.

Tujuan lawatan ini adalah untuk meninjau kejayaan syarikat dalam industri tekstil dan pakaian. Syarikat yang mengeluarkan *Pure Cotton Yarn* ini telah mendapat Lesen Pengilang MITI pada tahun 2013. Syarikat ini telah menerima insentif galakan daripada kerajaan dan mengeksport 100% keluarannya ke negara China dengan kapasiti pengeluaran lebih daripada 20 juta kg setahun.

D&Y mengaplikasikan teknologi yang digunakan oleh negara-negara seperti China, Switzerland dan Jerman. Syarikat ini menggajikan seramai 483 orang dengan 5% daripadanya adalah dalam kategori Profesional, Pengurusan dan Teknologi.

Pada masa ini lebih daripada 970 syarikat dalam industri tekstil dan pakaian telah dilesenkan di bawah Akta Penyelarasian Industrian 1975 dan 90% daripadanya mengeluarkan produk pakaian jenama global seperti *Nike*, *Polo Ralph Lauren*, *OshKosh*, *Burberry*, *Giordano* serta lebih daripada 20 jenama antarabangsa lagi di bawah *contract manufacturing*.

Terdapat juga syarikat tempatan di dalam industri ini yang telah mengeluarkan jenama sendiri yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa seperti *British India*, *John Masters*, *Somerset Bay*, *East India Company*, *Padini* dan *Seed*.

-Tamat-

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**  
**16 OGOS, 2016**